



PENDUDUK membersihkan rumah selepas dilanda banjir kilat di Taman Pinggiran Felda Sungai Kelamah di Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan, semalam.

659 terjejas akibat banjir di N. Sembilan

TAMPIN 7 Feb. - Seramai 659 orang daripada 166 buah keluarga ditempatkan di pusat pemindahan dekat Gemas selepas rumah mereka terjejas akibat banjir sejak semalam.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri, **Kamal Mokhtar** berkata, sebanyak enam buah pusat pemindahan di Tampin masih beroperasi sejak pukul 1 petang semalam.

“Jumlah (mangsa) tersebut meningkat jika dibandingkan dengan hari pertama (semalam) dan

dua pusat pemindahan iaitu di Rembau dan Port Dickson telah ditutup kerana air telah surut,” katanya.

Di Tampin, seramai 594 orang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (F) Sungai Kelamah; Masjid Sungai Dua (22 orang); Balai Raya Parit Buloh, Air Kuning (17 orang); Balai Raya Sungai Kelamah (tujuh orang); Sekolah Kebangsaan Ladang, Gemas (empat orang) dan Balai Raya Kampung Ladang (12 orang).

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, **Norazam Khamis** berkata, banjir kilat berlumpurnya itu berpunca daripada hujan lebat sejak pukul 3 petang Sabtu lalu.

“Situasi di kawasan terjejas kini terkawal dan kerja-kerja peman-taan masih dijalankan.

“Operasi menyelamatkan dan memindahkan penduduk dilakukan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Tampin dan Gemas,” katanya.